

# e-Credentialing

SOALAN LAZIM (FAQ)

## **1. Apakah sistem *e-Credentialing*?**

Sistem *e-Credentialing* adalah sistem yang dijalankan secara dalam talian bagi mengiktiraf kompetensi anggota Kesihatan Bersekutu dalam bidang-bidang khusus berkaitan kecekapan dan kelayakan klinikal untuk menjalankan tugas serta dapat mengekal dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pesakit.

## **2. Apakah fungsi sistem *e-Credentialing*?**

- I. Permohonan pengiktirafan credentialing secara dalam talian (online)
- II. Menerima, menilai dan mengesahkan permohonan pengiktirafan credentialing
- III. Menjana sijil dengan lebih sistematik
- IV. Dilaksanakan dengan lebih efisien dan cekap
- V. Mengelakkan lambakan borang permohonan secara manual
- VI. Mengelakkan risiko keciciran borang

## **3. Profesion manakah yang boleh memohon?**

Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu (BSKB) dipertanggungjawabkan untuk mengurus permohonan credentialing bagi sembilan profesion Kesihatan Bersekutu seperti berikut:

- I. Juru X-Ray (Diagnostik)
- II. Juru X-Ray (Terapi)
- III. Pemulihan Perubatan (Carakerja)
- IV. Pemulihan Perubatan (Fisioterapi)
- V. Juruteknologi Pergigian
- VI. Pegawai Dietetik
- VII. Pegawai Optometri
- VIII. Peg Pemulihan Perubatan (Audiologi)
- IX. Peg Pemulihan Perubatan (Pertuturan)

## **4. Kepada siapakah perlu saya berhubung sekiranya menghadapi masalah semasa menggunakan sistem?**

Anda boleh menghubungi pihak *Credentialing* di talian 03 – 88901011 ext 128/125 atau emel kepada [credentialingbskb@gmail.com](mailto:credentialingbskb@gmail.com) (Unit Latihan dan Kompetensi, BSKB).

## **5. Sekiranya permohonan telah dihantar, bolehkah saya kemaskini permohonan?**

Anda boleh mengemaskini permohonan sepanjang tempoh permohonan dibuka. Jika tempoh permohonan telah tamat anda tidak boleh membuat sebarang kemaskini.

## **6. Bolehkah pengguna swasta gunakan sistem ini?**

Setakat ini, sistem *e-Credentialing* tidak dilaksanakan untuk sektor swasta.

## **7. Saya baru menggunakan system ini, bagaimana caranya**

Jika pertama kali ingin menggunakan sistem *e-Credentialing*, anda boleh mendaftar sebagai pengguna baru dengan memilih pautan “Daftar”.

## **8. Bagaimana saya menggunakan sistem baru ini?**

Video Manual Pengguna boleh didapati pada laman sesawang *e-Credentialing* untuk memudahkan pengguna mengisi permohonan baharu

## **9. Laman sesawang *e-Credentialing* kerap memaparkan ‘Halaman Tamat Tempoh’**

- I. Hapuskan semua *cache* pelayar anda.
- II. Tutup *tab* yang melayari laman sesawang *e-Credentialing*
- III. Buka *tab* baru dan masukkan <http://ecredentialing.moh.gov.my> di ruangan URL

## **10. Bagaimanakah proses kerja sistem *e-Credentialing***

Rujuk carta alir system *e-Credentialing* di bawah:

